

28 JAN 1996

Samy-rancangan

KAUM INDIA PERLU LEBIH PERHATIAN, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah diminta supaya memperuntukkan lebih banyak program yang akan memanfaatkan masyarakat India dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini.

Katanya beliau telah mengutus sepucuk surat kepada Dr Mahathir semalam bagi melahirkan perasaan masyarakat India mengenai hasil yang diperolehi mereka dalam Rancangan Malaysia Keenam.

"Saya meminta Perdana Menteri supaya diwujudkan rancangan khusus untuk kaum India dalam Rancangan Malaysia Ketujuh supaya mereka akan mendapat faedah daripadanya," kata beliau kepada pemberita selepas meletakkan batu asas bagi bangunan baru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ampang, di sini.

Samy Vellu juga berkata kumpulan pemikir yang diwujudkan oleh MIC telah menyediakan satu garis panduan bagi membantu kerajaan merangka dasar-dasar yang melibatkan masyarakat India dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang akan dilancarkan tahun ini.

Garis panduan berkenaan menyentuh beberapa isu penting mengenai masyarakat India seperti pembasmian kemiskinan, perumahan, pendidikan dan peluang ekonomi untuk mereka.

Samy Vellu, yang juga presiden MIC, berkata dakwaan sesetengah pihak bahawa masyarakat India telah "ketinggalan" memberikan gambaran bahawa Barisan Nasional telah mengabaikan masyarakat India di negara ini.

"Adakah mereka mengatakan kepimpinan Dr Mahathir telah mengabaikan masyarakat India? Kaum India menerima banyak faedah sungguhpun tidak seperti yang diharapkan," kata beliau.

Sambil mengakui bahawa kaum India tidak mampu menyaingi masyarakat Cina atau Bumiputera, beliau berkata segala usaha sedang diambil bagi memajukan masyarakat India.

"Saya tidak mengharapkan kaum India akan menyamai masyarakat Cina dari segi ekonomi. Saya juga tidak fikir kita mampu menyaingi kaum Bumiputera kerana untuk mencapai tahap sedemikian, mereka (kaum India) memerlukan sokongan kerajaan dan institusi," kata beliau.

Mengenai sekolah Tamil, beliau berkata: "Mutu sekolah-sekolah Tamil telah meningkat, sungguhpun kadang-kadang keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) turun naik dari setahun ke setahun.

Beliau berkata sekolah-sekolah Tamil memerlukan sokongan sepenuhnya daripada masyarakat, ibu bapa dan guru, dan menambah bahawa mereka perlu mempertingkatkan pencapaian mereka bagi mematahkan kritikan-kritikan terhadap mereka.

Samy Vellu juga berkata beliau akan menemui kesemua 539 pengetua sekolah Tamil tidak lama lagi bagi membincangkan penubuhan 140 pusat bagi mengadakan kelas tambahan UPSR.

Mengenai program pembangunan semula empat kawasan di Jalan Klang Lama, beliau berkata beliau akan menemui Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib bagi membincangkan kemungkinan untuk membangunkan 120 hingga 160 hektar tanah milik kerajaan negeri bagi menempatkan setingan dari Kampung Lindungan, Kampung Lindungan Tambahan, Kampung Medan dan Kampung Medan Jaya. -- Bernama.